

**KEPERCAYAAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU KELANTAN:  
ANALISIS ASPEK SEJARAH DAN PERSPEKTIF AGAMA**

*(Traditional Beliefs of the Kelantanese Malay Community: Analysis Historical  
Aspect and Religious Perspective)*

Mariyah Jamilah Kamis\*, Eizah Mat Hussain\*\* & Madiawati Mamat @ Mustaffa\*\*\*

**Abstract**

*The Malay community in Kelantan is well known for its rich traditions and inherited system of traditional beliefs that have been passed down through generations. These beliefs are not merely a form of cultural heritage; rather, they play a significant role in shaping the social identity, moral values, and collective consciousness of the local community. Among the main elements of these traditional beliefs are traditional medicine, taboos, and marriage customs, all of which embody spiritual values and worldviews that reflect the community's relationship with the unseen realm and belief in supernatural forces. For instance, traditional healing practices often combine Islamic elements with animistic beliefs, while taboos and customary practices function to regulate behavior and maintain social harmony. Therefore, these beliefs need to be examined from a religious perspective to determine the extent to which they align with or contradict Islamic principles. This study adopts a qualitative approach through document analysis and literature review, aiming to explain the relationship between traditional beliefs and religion. The findings indicate that traditional beliefs in Kelantan represent a mixture of religious practices and Malay traditional beliefs that deviate from Islamic teachings, revealing the presence of certain conceptual inconsistencies. Consequently, there is a need for efforts toward purification and alignment with authentic Islamic teachings.*

**Keywords:** *Kelantanese Malay, belief, identity, Islamic principle, purification.*

**Abstrak**

Masyarakat Melayu di Kelantan terkenal dengan kekayaan tradisi dan kepercayaan tradisional yang telah diwarisi turun-temurun. Kepercayaan ini bukan sekadar warisan budaya semata-mata, malah memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sosial, nilai moral dan kesedaran kolektif komuniti setempat. Antara elemen utama kepercayaan tradisional yang diamalkan ialah perubatan tradisional, pantang larang, dan adat perkahwinan, yang

---

\* Mariyah Jamilah Kamis. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [mariyahjamilah@gmail.com](mailto:mariyahjamilah@gmail.com)

\*\* Eizah Mat Hussain (PhD). Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [Eizah@um.edu.my](mailto:Eizah@um.edu.my)

\*\*\* Madiawati Mamat @ Mustaffa (PhD), Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. [atic@um.edu.my](mailto:atic@um.edu.my)

kesemuanya mengandungi nilai spiritual dan pandangan hidup yang mencerminkan hubungan masyarakat dengan alam ghaib serta kepercayaan terhadap kuasa luar biasa. Misalnya, rawatan tradisional sering menggabungkan unsur Islam dengan kepercayaan animisme, manakala pantang larang dan adat pula berperanan dalam mengawal tingkah laku dan menjamin keharmonian sosial. Lantaran itu, kepercayaan ini perlu dinilai dari perspektif agama dalam menjelaskan sejauhmana fahaman tersebut bertepatan atau bercanggah dengan prinsip Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumentasi dan kajian kepustakaan, bertujuan menjelaskan hubungkait kepercayaan tradisional dengan agama. Dapatan menunjukkan bahawa kepercayaan tradisional Kelantan bercampur aduk diantara pengamalan agama dan kepercayaan tradisional Melayu yang menyalahi agama, menunjukkan wujudnya beberapa kecelaruan terhadap fahaman tersebut, seterusnya perlu kepada usaha pemurnian selari dengan ajaran Islam.

**Kata Kunci:** *Melayu Kelantan, kepercayaan, identiti, prinsip Islam, pemurnian.*

## **Pengenalan**

Kelantan, sebuah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia, dikenali sebagai antara negeri yang paling kaya dengan warisan budaya dan kepercayaan tradisional masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu Kelantan terkenal dengan pegangan kukuh terhadap nilai-nilai adat, tradisi, dan amalan spiritual yang diwarisi daripada nenek moyang mereka sejak berabad lamanya. Kepercayaan tradisional ini bukan sahaja membentuk struktur sosial masyarakat, malah turut mencorakkan cara hidup harian mereka dalam pelbagai aspek termasuk kesihatan, hiburan, dan penyelesaian masalah. Terdapat juga kepercayaan yang dizahirkan melalui amalan-amalan tertentu yang dianggap mampu menghubungkan manusia dengan alam ghaib atau kuasa luar biasa. Meskipun ada yang menganggap kepercayaan ini sebagai tidak selari dengan perkembangan moden, namun ia tetap menjadi sebahagian penting dalam identiti budaya masyarakat Melayu Kelantan.

Pengaruh Islam yang kuat di Kelantan turut memberi kesan signifikan terhadap kepercayaan dan amalan tradisional masyarakat setempat, menjadikannya unik dan tersendiri berbanding masyarakat Melayu di negeri-negeri lain. Penyelarasan antara kepercayaan lama dengan ajaran Islam telah berlaku secara beransur-ansur, di mana sesetengah elemen spiritual diberi tafsiran baharu agar selari dengan nilai-nilai agama. Walau bagaimanapun, masih terdapat elemen-elemen yang dikekalkan dalam bentuk asalnya kerana dianggap sebagai sebahagian daripada warisan budaya yang perlu dipelihara.<sup>1</sup> Lantaran itu, percampuran elemen kebudayaan dan prinsip Islam dalam kepercayaan Melayu Kelantan perlu kepada penilaian sejauh mana fahaman ini bertepatan atau bercanggah dengan prinsip Islam.

---

<sup>1</sup> Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad. "Pelaksanaan Dasar Kesenian di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis Menurut Siasah Syar'iyah." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17, no. 1 (2018): 97-112.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi yang menumpukan kepada pengumpulan dan pentafsiran data melalui penyelidikan kepustakaan. Kaedah ini melibatkan pemerhatian terhadap bahan-bahan bertulis yang relevan, khususnya sumber yang diperoleh dari perpustakaan, bagi menyokong proses pengumpulan maklumat yang sahih dan berkualiti. Salah satu pendekatan utama yang digunakan ialah kaedah dokumentasi, iaitu pengumpulan data secara sistematik melalui dokumen bertulis untuk tujuan penulisan ilmiah. Di samping itu, kajian ini turut menerapkan analisis kandungan sebagai kaedah utama untuk mengenal pasti serta menilai istilah, konsep, tema, frasa dan ayat dalam bahan kajian.

## **Kepercayaan Tradisional Masyarakat Melayu Kelantan**

Kajian ini menekankan bahawa kepercayaan tradisional masyarakat Melayu Kelantan bukan sekadar sisa warisan budaya, malah berfungsi sebagai elemen dinamik dalam struktur sosial dan identiti kolektif mereka. Meskipun berdepan dengan pengaruh moden dan arus globalisasi, elemen-elemen kepercayaan ini terus hidup dan dipertahankan sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat Melayu Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepercayaan tradisional ini masih memainkan peranan penting dalam membentuk identiti budaya dan sosial masyarakat. Walaupun masyarakat Kelantan kini didominasi oleh agama Islam, unsur-unsur kepercayaan pra-Islam seperti animisme dan kepercayaan terhadap alam ghaib masih wujud dan diamalkan. Kepercayaan ini bukan sahaja mencerminkan hubungan erat masyarakat dengan alam sekitar, tetapi juga menunjukkan bagaimana masyarakat Kelantan berjaya mengadaptasi dan menyesuaikan tradisi lama dengan ajaran Islam tanpa menghilangkan nilai-nilai asal mereka. Amalan-amalan ini terus memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan sosial, psikologi, dan spiritual masyarakat, di samping memperkukuh identiti mereka dalam menghadapi cabaran moden.

Kajian ini juga mendapati bahawa amalan kepercayaan tradisional sering disatukan dengan ajaran Islam. Misalnya, konsep keberkatan dalam Islam turut dikaitkan dengan penggunaan jampi dan mantera dalam perubatan tradisional. Dalam banyak kes, masyarakat Kelantan mengadaptasi elemen-elemen kepercayaan lama dalam konteks Islam, menjadikannya sebahagian daripada amalan budaya yang berterusan. Kepercayaan terhadap kekuatan ghaib ini turut dizahirkan dalam adat perkahwinan, di mana pelbagai pantang larang dan upacara keramat diamalkan sebagai sebahagian daripada proses perkahwinan dan juga diteruskan sehingga selepas melahirkan anak. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa kepercayaan tradisional di Kelantan berfungsi untuk memenuhi keperluan sosial dan psikologi masyarakat. Dalam menghadapi ketidakpastian hidup dan cabaran sosial seperti kemiskinan atau penyakit, amalan tradisional ini memberikan rasa ketenangan, keyakinan, dan sokongan moral kepada masyarakat. Ritual seperti jampi, doa, dan pengorbanan dalam konteks tradisional memberikan mereka rasa perlindungan dan harapan.

## **Kepercayaan Terhadap Perubatan Tradisional**

Perubatan tradisional merupakan sebahagian penting daripada warisan budaya masyarakat Melayu Kelantan yang masih diamalkan hingga kini. Kepercayaan terhadap keberkesanan rawatan tradisional, seperti mantera, khidmat bomoh atau tok dukun, berakar umbi dalam sistem kepercayaan lama yang dipengaruhi oleh unsur animisme, Hindu-Buddha, dan kemudiannya diselaraskan dengan ajaran Islam.<sup>2</sup> Perubatan tradisional bukan sekadar bentuk rawatan alternatif, tetapi turut mencerminkan hubungan erat masyarakat dengan alam semula jadi serta dimensi spiritual yang dipercayai memainkan peranan penting dalam kesihatan dan penyakit. Masyarakat melihat kesakitan bukan hanya berpunca daripada faktor fizikal, tetapi juga akibat gangguan makhluk halus, ketidakseimbangan tenaga, atau pelanggaran pantang larang.<sup>3</sup> Dalam konteks masyarakat Kelantan, perubatan tradisional terus bertahan sebagai satu warisan budaya yang signifikan, meskipun berdepan dengan cabaran modenisasi dan perkembangan perubatan moden. Justeru, memahami kepercayaan ini memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana masyarakat Melayu Kelantan menilai aspek kesihatan, penyakit, dan usaha penyembuhan secara holistik.<sup>4</sup>

### ***Batu Geliga***

Pertama, adalah penggunaan batu geliga. Batu geliga merupakan antara objek yang sangat dihargai dalam kepercayaan tradisional masyarakat Melayu, termasuk di Kelantan. Batu ini sering kali dianggap mempunyai kuasa luar biasa yang mampu membawa pelbagai manfaat kepada pemiliknya, termasuk tuah, perlindungan, penyembuhan, dan kekuatan spiritual.<sup>5</sup> Batu geliga biasanya ditemui dalam pelbagai bentuk dan dikaitkan dengan haiwan tertentu seperti ular, katak, dan landak, serta dikatakan hanya boleh diperolehi melalui kaedah atau peristiwa yang luar biasa, seperti melalui mimpi atau petunjuk roh halus. Masyarakat Melayu percaya bahawa batu geliga bukan sekadar objek fizikal biasa, tetapi merupakan anugerah alam atau makhluk ghaib yang membawa berkat dan kekuatan luar biasa.<sup>6</sup> Kepercayaan terhadap batu geliga ini mencerminkan pandangan dunia masyarakat yang melihat hubungan antara manusia dan alam semesta sebagai satu jaringan yang melibatkan kuasa ghaib. Batu ini dianggap mempunyai 'semangat' atau 'tenaga' yang dapat mempengaruhi kehidupan pemiliknya. Sebagai contoh, sesetengah individu menggunakan batu geliga untuk membantu dalam rawatan perubatan tradisional, menghindari gangguan makhluk halus, atau memberikan kekuatan batin kepada pemiliknya dalam menghadapi cabaran hidup. Dalam sesetengah kes, batu ini juga

---

<sup>2</sup> Mohd Zawawi Mohammad & Nur Azuki Yusuff, "Unsur-Unsur Kepercayaan Dinamisme Dalam Perubatan Tradisional Melayu Kelantan," *International Conference on Ummah ICU* (2018), 129-144

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ahmad Muntakhib, Siti Muawanah & Eko Wahyono, "Transformasi Nilai Sosial-Spiritual Penghayat Kepercayaan Dalam Membangun Moderasi Beragama Di Indonesia." *Jurnal Harmoni* 23, no. 1 (2024), 99-121.

<sup>6</sup> Ibid.

dikaitkan dengan kedudukan sosial dan spiritual seseorang, malah dianggap sebagai simbol status atau 'ilmu' yang tinggi.<sup>7</sup>

Walaupun tidak dapat dibuktikan secara saintifik, kepercayaan terhadap batu geliga terus diamalkan dan diwarisi turun-temurun. Ia menjadi bukti bagaimana masyarakat Melayu Kelantan, khususnya, mengekalkan sistem kepercayaan yang menggabungkan unsur mistik, spiritual, dan alamiah dalam kehidupan seharian. Batu geliga bukan sahaja melambangkan kepercayaan terhadap dunia ghaib, tetapi juga mencerminkan nilai budaya yang menekankan keharmonian antara manusia dan alam sekeliling mereka.<sup>8</sup> Tambahan pula, batu ini sering kali disimpan dengan penuh rasa hormat, dijaga rapi dan tidak digunakan sewenang-wenangnya, mencerminkan kepercayaan terhadap 'kesucian' dan 'kesaktian' yang dikaitkan dengannya. Terdapat juga yang percaya bahawa batu geliga hanya akan menunjukkan kuasanya kepada mereka yang benar-benar ikhlas atau mempunyai hubungan spiritual yang kuat. Oleh sebab itu, pemilikan batu geliga sering kali dianggap sebagai satu bentuk amanah yang perlu dijaga dengan penuh tanggungjawab. Dalam masyarakat tradisional, kisah-kisah tentang batu geliga sering diceritakan dari satu generasi ke generasi berikutnya, menjadikannya sebahagian daripada warisan lisan yang memperkukuh identiti budaya dan spiritual masyarakat Melayu.<sup>9</sup>

### ***Main Puteri***

Kedua, Main Puteri. Main Puteri dapat dikategorikan sebagai sebuah '*medicotheatrical-ritual*' yang digunakan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit melalui cara ikhtiar. Konsep ikhtiar ini juga adalah sebahagian daripada kepercayaan agama Islam. Cara memujuk digunakan sebagai alternatif kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dikatakan sebagai punca seseorang itu mendapat penyakit.<sup>10</sup> Penyakit-penyakit yang dirawat dengan upacara Main Puteri ini adalah penyakit yang lazimnya tidak dapat dikesan dan diubati oleh doktor perubatan moden, misalnya penyakit gila, terkena buatan orang dan penyakit 'angin'.<sup>11</sup> Pertama, Main Puteri yang digambarkan sebagai salah satu daripada teknik perubatan tradisional yang digunakan oleh masyarakat Kelantan bagi mengubati penyakit. Main Puteri, atau disebut juga 'Main Teri', Main Peteri merupakan seni tradisi Melayu yang sering dikaitkan dengan perubatan Melayu. Kebiasaannya Main Puteri ini adalah bertujuan pengubatan semangat dan kejiwaan yang digunakan dalam masyarakat Melayu Kelantan-Pattani atau lebih dikenali pesakit angin atau 'pelepas angin' yang dihadapi oleh pesakit. Ianya dianggotai oleh dua watak utama, iaitu Tuan Puteri dan Tuk Minduk (bomoh) yang bermain rebab dan diiringi oleh paluan gendang ibu dan anak.<sup>12</sup>

---

<sup>7</sup> Soni Ardiansyah & Rois Nafi'ul Umam, "Menggali Makna Tradisi Pantang Larang Pada Masyarakat Melayu Sekadau," *Jurnal Pendidikan, Kebudayaan Dan Keislaman* 3, no. 1 (2024), 44-54.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Nur Azzuwanie Razak et al., "Main Teri: warisan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu." *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)* 2, no. 2 (2018): 1-12.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Ibid.

Main Puteri akan dimainkan selama satu malam, kadang-kadang sehingga tiga malam lamanya untuk tujuan berubat. Selain itu, Main Puteri juga diiringi oleh peralatan muzik yang sama dengan Mak Yong, iaitu rebab (alat muzik bertali tiga), gendang dua kepala dan tetawak. Tetawak merupakan sejenis gong yang biasanya dimainkan secara berpasangan, iaitu tetawak ibu dan tetawak anak dengan menggunakan pemalu. Ia biasanya digantung berpasangan pada batang kayu yang dikenali sebagai kayu mengambang dan dimainkan oleh pemain yang sama. Ia biasanya digunakan bagi mengiringi permainan teater tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit Kelantan, Menora dan Main Puteri. Proses pengubatan cara ini melibatkan upacara ritual buka panggung dan juga tutup panggung yang melibatkan kepercayaan terhadap lautan dan daratan serta mempunyai semangat, penunggu dan puaka. Hal ini terjadi kerana makhluk halus bila-bila masa sahaja boleh merasuk, mengacau, mengganas, dan mengganggu manusia sehingga mereka ditimpa sakit juga kecelakaan.<sup>13</sup> Namun, masih ramai yang tidak mengetahui wujudnya komunikasi dua hala antara alam ghaib dengan alam nyata melalui amalan bacaan jampi mantera yang dilakukan oleh Tok Puteri, iaitu ketua dalam sesebuah persembahan Main Puteri. Berkait dengan hal tersebut, seseorang dipercayai mudah jatuh sakit jika semangatnya lemah. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah diganggu oleh makhluk halus, lalu meresap, menumpang dan menguasai badan manusia sehingga menimbulkan kesakitan. Keadaan ini menunjukkan pengamal perlu menggunakan jampi mantera untuk merawat pesakit. Secara tidak langsung, amalan jampi mantera ini memperlihatkan adanya pengaruh kepercayaan animisme, dan juga agama Hindu.<sup>14</sup>

Sebelum majlis dimulakan, ia dimulai dengan bacaan doa selamat yang menampilkan Tok Puteri mempersiapkan diri sambil membaca doa tertentu manakala Tok Minduk yang dibantu oleh 10 atau 11 orang anggota akan mengiringi main puteri dengan iringan tiupan serunai dan pukulan rebab, gendang ibu, gendang anak, gedombak ibu, gedombak anak, tetawak dan canang, sebelum bertih dan beras kunyit ditabur di ke empat penjuru ruang. Ketika Tuan Puteri lupakan diri, semangat halus akan meresap ke dalam tubuh Tuan Puteri dan Tok Minduk akan menyoal makhluk halus tersebut untuk memastikan punca penyakit. Makhluk halus ini dikatakan mahukan makanan dan bersukaria. Meskipun sifat makhluk halus tidak nampak dengan penglihatan mata kasar, namun pawang dan ahli-ahli sihir boleh berhubung dengan makhluk halus melalui jampi mantera. Keadaan demikian menunjukkan bahawa makhluk spiritual juga mempunyai keperluan asas dan habitat mereka sendiri. Sekiranya keperluan mereka diganggu oleh manusia, pastinya ia akan mendatangkan kemarahan dan boleh menimbulkan perkara yang tidak diinginkan seperti terkena penyakit spiritual.<sup>15</sup>

Main Puteri juga dikatakan telah wujud semasa zaman Puteri Saadong. Ia bermula apabila Puteri Saadong yang ingin menenangkan perasaannya setelah dihina oleh orang ramai dan suaminya sendiri. Penghinaan ini adalah disebabkan oleh Puteri Saadong telah diambil oleh Raja Siam yang telah menyerang Kelantan. Akibatnya, beliau telah dituduh sebagai ibu

---

<sup>13</sup> Lilis Syafiza Yatim et al., "Analisis Pergerakan Fizikal Tok Teri. "Main Peteri, " *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12 no.2 (2024), 79 – 90.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Ibid.

Siam' walaupun hakikatnya beliau masih lagi suci.<sup>16</sup> Berikutan peristiwa tersebut, Puteri Saadong cuba menenangkan hatinya dengan menyanyi dan berpantun sambil diiringi dengan muzik yang dimainkan oleh kekandanya, iaitu dengan menepuk-nepuk perutnya (sebagai gendang). Gaya nyanyian Puteri Saadong yang merayu-rayu ini telah menjadi sumber ilham kepada Tuk Puteri untuk memujuk kuasa-kuasa luar biasa. Atas sebab itulah, ia dikatakan telah diasaskan oleh Puteri Saadong.<sup>17</sup> Hal ini memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh sejarah, mitos dan unsur spiritual dalam membentuk identiti budaya masyarakat Melayu Kelantan. Kisah Puteri Saadong bukan sahaja mencerminkan ketabahan seorang wanita diraja menghadapi penderitaan dan fitnah, malah menunjukkan bagaimana emosi dan pengalaman peribadi boleh diterjemahkan dalam bentuk seni yang akhirnya menjadi warisan budaya kolektif. Dari nyanyian yang penuh kesedihan dan rayuan itu, lahirlah satu bentuk persembahan yang bersifat penyembuhan rohani dan jasmani. Ini menekankan peranan Main Puteri bukan hanya sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyatuan antara manusia dan kuasa ghaib, serta refleksi nilai-nilai murni dan keyakinan spiritual masyarakat setempat. Maka, memahami latar sejarah dan kepercayaan yang melingkungi amalan ini memberi kita penghargaan lebih mendalam terhadap keunikan dan ketahanan warisan budaya Kelantan.<sup>18</sup>

Bagi kepercayaan kepada perubatan tradisional (dari segi kebaikannya adalah untuk mengubati penyakit), kepercayaan yang mendalam terhadap kuasa-kuasa ghaib ini merupakan penyebab kepada munculnya peranan orang tengah atau orang perantaraan antara manusia amnya dengan kuasa-kuasa ghaib. Orang tengah atau orang perantaraan ini sangat cekap di dalam tugasnya untuk mententeramkan kuasa-kuasa ghaib itu daripada mengganggu anak-anak kecil, perempuan yang bersalin dan orang-orang yang sakit. Malah kuasa-kuasa ghaib ini digunakan untuk membantu supaya pesakit berkenaan sembuh daripada penyakit yang dihidapinya. Di sinilah terletak peranan penting yang dilaksanakan oleh pawang atau bomoh. Sesuatu perkara itu dilihat bersifat realiti untuk mewujudkan elemen magis dalam dunia yang nyata tetapi tidak membawa kepada dunia fantasi seperti kisah fiksyen. Perkara ini juga dilihat melalui penceritaan mitos dan legenda serta kepercayaan yang menghubungkan antara dunia nyata dan rekaan sehingga melahirkan satu penceritaan yang terlihat sesuai antara dua dunia yang berbeza serta turut diterima oleh masyarakat.<sup>19</sup>

## **Kepercayaan Terhadap Perkahwinan**

Pantang larang perkahwinan merupakan antara elemen penting dalam adat resam masyarakat Melayu Kelantan yang masih kekal relevan dan diamalkan secara meluas hingga ke hari ini. Kepercayaan terhadap pantang larang ini mencerminkan nilai-nilai budaya dan pandangan hidup masyarakat yang berpunca daripada tradisi lama, yang turut dipengaruhi oleh unsur

---

<sup>16</sup> Sudirman Kiffli et al., "Konflik Dalam Legenda Puteri Saadong." *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)* 8, no. 2 (2020): 86-97.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Agus Purwanto, Imran Imran, and Iwan Ramadhan. "Analisis rasionalisasi nilai-nilai mitos kemponan pada masyarakat etnis Melayu." *Ideas: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Budaya* 8, no. 1 (2022): 117-126.

<sup>19</sup> Yusmilayati Yunos et al., "Kepandaian Orang Melayu dalam mentafsir ruang perubatan tradisional." *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 12, no. 11 (2016): 79-91.

animisme, ajaran Hindu-Buddha, dan kemudiannya diselaraskan dengan ajaran Islam. Dalam konteks perkahwinan, pelbagai bentuk larangan dipraktikkan bagi menjamin kelangsungan institusi kekeluargaan, mengelakkan gangguan makhluk halus, serta memelihara keharmonian hubungan antara pasangan dan ahli keluarga. Walaupun peredaran zaman membawa arus pemodenan dan perubahan sosial, kepercayaan terhadap pantang larang ini masih diteruskan sebagai sebahagian daripada warisan budaya yang diyakini membawa perlindungan dan keberkatan. Justeru, kajian terhadap aspek ini penting dalam usaha memahami peranan pantang larang tradisional dalam membentuk struktur sosial serta memelihara identiti budaya masyarakat Melayu Kelantan.<sup>20</sup>

### ***Pulut Semangat***

Pertama, pulut semangat. Pulut semangat yang merupakan simbolik kepada panggilan bagi pulut kuning menurut kebanyakan orang. Akan tetapi, bagi masyarakat Kelantan ianya lebih dikenali dengan pulut semangat dan warnanya pula tidak terhad kepada warna kuning sahaja. Pulut tersebut merupakan tanda adanya azam dan semangat baru pada diri seseorang atau pun dalam erti kata lain, ianya sebagai tanda kejayaan dengan semangat dan usaha yang telah dibuat dan akhirnya mencapai kejayaan. Malah menurut adat Melayu, dalam upacara khatam al-Quran mahupun perkahwinan, pulut semangat selalunya akan didahulukan kerana ia mempunyai kepercayaan tertentu, lebih-lebih lagi bagi masyarakat Melayu Kelantan.<sup>21</sup> Ketika adat ini dilaksanakan terdapat makanan wajib yang perlu dihidangkan, iaitu pulut semangat. Begitu juga dengan masyarakat Melayu, pulut semangat yang dikukus adalah penting dalam pengamalan budaya, ritual, tradisi dan adat. Apabila pulut semangat diisi di atas kain kasa, pulutnya kejap dan kemas. Apabila dicucuk dengan bunga telur merah, pulutnya tidak pecah dan ranap. Perkara ini disebabkan oleh kepercayaan orang-orang kampung sekiranya pulut semangat menjadi ranap atau pecah ketika pengantin sedang duduk bersanding di atas pemajangan atau pelamin, bermakna ada sesuatu yang tercending atau bukan dara lagi serta berkemungkinan juga mempelai bukan lagi teruna dan pernah berzina. Justeru, kebanyakan keluarga yang hendak mengadakan kenduri kahwin tidak mahu menerima risiko keaiban ini dengan mengundang orang yang tidak pandai mengukus pulut semangat.<sup>22</sup>

### ***Mandi Bunga***

Mandi bunga atau mandi tolak bala. Upacara mandi bunga merupakan salah satu amalan tradisional yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan. Mandi bunga bukan sekadar simbolik untuk kecantikan luaran, tetapi juga membawa maksud pembersihan spiritual dan penyucian diri daripada unsur-unsur negatif. Lazimnya, upacara ini dijalankan beberapa hari sebelum majlis pernikahan, dengan melibatkan

---

<sup>20</sup> Norhuda Salleh, "Tepak sirih: komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu." *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 30 (2014): 177-190.

<sup>21</sup> Norhuda Salleh and Kim Keum Hyun. "Komunikasi bukan Lisan: Analisis Makna Pulut Semangat dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Selangor." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* 7, no. 1 (2019): 53-64.

<sup>22</sup> Ibid.

penggunaan tujuh jenis bunga, limau purut, dan air yang dibacakan doa atau jampi tertentu oleh orang tua atau individu yang dianggap memiliki pengetahuan dalam adat dan kepercayaan lama.<sup>23</sup> Pengantin akan dimandikan oleh ibu atau ahli keluarga terdekat sebagai simbol restu dan pengaliran 'tenaga baik'. Dalam kepercayaan tradisional, mandi bunga dipercayai dapat mengelakkan gangguan makhluk halus, menjauhkan sial, dan membuka aura pengantin agar kelihatan berseri dan disenangi pada hari pernikahan. Selain itu, ia juga dianggap sebagai persediaan rohani bagi memasuki alam rumah tangga, iaitu satu fasa kehidupan yang memerlukan kestabilan emosi dan spiritual. Meskipun amalan ini tidak dinyatakan secara khusus dalam ajaran Islam, ramai yang masih mengamalkannya kerana ia dianggap sebagai sebahagian daripada adat yang tidak bercanggah selagi tidak melibatkan unsur khurafat. Maka, mandi bunga terus menjadi sebahagian daripada identiti budaya perkahwinan masyarakat Melayu Kelantan.<sup>24</sup>

Justeru, kepercayaan terhadap amalan pulut semangat dan mandi bunga dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan mencerminkan keutuhan nilai spiritual dan simbolik yang diwarisi sejak turun-temurun. Pulut semangat dianggap sebagai medium pemulihan dan penguat semangat, manakala mandi bunga berperanan membersihkan diri secara fizikal dan rohani serta menghindari unsur negatif sebelum melangkah ke alam perkahwinan.<sup>25</sup> Kedua-dua amalan ini bukan sekadar tradisi, tetapi turut menunjukkan bagaimana masyarakat menyeimbangkan unsur adat dan spiritual dalam menghadapi detik penting kehidupan. Walaupun era modenisasi membawa pelbagai perubahan, kepercayaan terhadap upacara seperti ini masih dipelihara sebagai warisan budaya yang memperkukuh identiti dan keharmonian masyarakat Melayu Kelantan.

### **Kepercayaan Apabila Mengandung dan Melahirkan Anak**

Kepercayaan terhadap pantang-larang melahirkan anak merupakan sebahagian daripada amalan tradisional yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan, meskipun berhadapan dengan perkembangan perubatan moden dan arus globalisasi. Pantang-larang ini berakar daripada sistem kepercayaan lama yang dipengaruhi oleh unsur animisme, Hindu-Buddha, dan kemudiannya disesuaikan dengan ajaran Islam. Dalam konteks masyarakat Kelantan, kehamilan dan kelahiran bukan sahaja dilihat sebagai proses biologi, tetapi juga sebagai peristiwa yang melibatkan keseimbangan spiritual antara manusia dan alam ghaib. Justeru, pelbagai larangan dan amalan khusus diamalkan oleh ibu hamil dan anggota keluarga seperti larangan memotong rambut, tidak keluar rumah selepas senja, serta kepentingan menjaga pemakanan dan emosi sepanjang tempoh kehamilan dan berpantang.<sup>26</sup> Kepercayaan

---

<sup>23</sup> Daisy Paul, Nor Sahayu Hamzah and T. N. A. T. A. Hamid, "Interpretasi ritual mandi dalam kalangan masyarakat di Malaysia." *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3, no. 2 (2019): 257-269.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Norhuda dan Kim Keum, "Komunikasi bukan Lisan", 53-64.

<sup>26</sup> Noor Hasimah M Yacob et al., "Pantang larang tradisional di kalangan masyarakat melayu. *Konaka Konferensi Akademik 2015* (2015): 25-32.

ini dianggap penting untuk mengelakkan gangguan makhluk halus, memastikan keselamatan ibu dan bayi, serta membawa keberkatan kepada keluarga. Meskipun terdapat pandangan yang melihat amalan ini sebagai kolot atau tidak rasional, ia tetap menjadi sebahagian penting daripada warisan budaya yang membentuk cara masyarakat Melayu Kelantan memahami kesihatan, kelahiran, dan kesejahteraan keluarga secara holistik. Oleh itu, kajian terhadap pantang-larang berkaitan kelahiran anak amat penting dalam usaha menelusuri nilai budaya, struktur sosial, dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu tradisional di Kelantan.<sup>27</sup> Kepercayaan berkaitan mengandung dan melahirkan anak dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan merupakan sebahagian daripada amalan tradisional yang kaya dengan nilai simbolik, spiritual dan budaya. Wanita hamil dipercayai berada dalam keadaan yang mudah terdedah kepada gangguan makhluk halus atau unsur negatif. Pelbagai pantang larang diamalkan seperti tidak boleh keluar rumah selepas Maghrib, tidak boleh menjahit atau memaku, serta tidak boleh berkata perkara yang kasar atau tidak elok kerana dikhuatiri akan memberi kesan buruk kepada bayi dalam kandungan. Selain itu, ibu hamil digalakkan untuk mendengar ayat-ayat suci al-Quran dan berzikir sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah dan memohon perlindungan.<sup>28</sup>

### ***Kuwung***

Kuwung (semasa mengandung). Kuwung merupakan sejenis penyakit yang luar biasa (magis) dalam masyarakat Melayu. Ia boleh berpunca daripada sesuatu benda yang membawa 'kuwung'. Biasanya benda-benda inilah yang membawa punca sesuatu bala berlaku kepada manusia. Penyakit jenis ini akan terkena kepada sesiapa sahaja yang lemah semangat. Kuwung boleh menyebabkan seseorang itu ternampak atau terbayang bayang sesuatu yang berkuwung itu secara mengejut. Kuwung yang boleh berlaku sebelum melahirkan anak. Kuwung merupakan panggilan orang Kelantan yang bermakna badi; iaitu boleh mencatitkan anak dalam kandungan. Kuwung dalam budaya Kelantan dipercayai sebagai energi negatif atau badi yang boleh memberi kesan buruk kepada seseorang, terutamanya kepada janin dalam kandungan.<sup>29</sup> Badi ini dipercayai dapat mengganggu perkembangan janin dalam kandungan dan menyebabkan kesulitan atau cacat pada bayi yang akan dilahirkan. Konsep ini berkaitan dengan penyakit atau kesulitan hidup yang datang tanpa penjelasan rasional dan lebih berkaitan dengan kepercayaan tradisional yang melibatkan dunia gaib dan roh. Justeru, apabila anak itu lahir dia tidak akan jadi sempurna lagi. Melalui kepercayaan tradisional, kuwung dipercayai boleh didapati daripada perbuatan buruk atau peristiwa malang yang menimpa seseorang atau keluarga. Oleh itu, kepercayaan terhadap kuwung memainkan peranan dalam cara masyarakat Kelantan menjaga hubungan mereka dengan dunia ghaib, melalui upacara dan pantang larang tertentu.<sup>30</sup>

---

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Muhammad Ikhsan Rizky and Tumpal Simarmata. "Peran Tradisi Berbalas Pantun dalam Acara Pesta Perkawinan Pada Masyarakat Melayu di Tanjung Pura." *Gondang* 1, no. 2 (2017): 91-99.

<sup>30</sup> Ibid.

### ***Penanaman Uri***

Penanaman uri (selepas melahirkan anak). Sebaik sahaja bayi dilahirkan, pelbagai upacara turut dijalankan seperti menanam uri, azan dan iqamat di telinga bayi, serta menjalani amalan berpantang selama 44 hari. Menanam uri dilakukan dengan cermat, sering disertakan dengan barang-barang seperti kunyit, garam dan paku, bagi melindungi bayi daripada gangguan ghaib. Kepercayaan ini juga tidak dapat dijelaskan serta ditafsirkan secara logik akal. Penanaman uri ini melibatkan ritual atau amalan tertentu yang dilakukan oleh keluarga selepas kelahiran bayi. Kepercayaan ini juga mencerminkan hubungan antara dunia nyata dan dunia ghaib, serta kepercayaan terhadap keberuntungan dan kesejahteraan keluarga. Menurut kepercayaan masyarakat Kelantan, uri merupakan abang kembar kepada bayi. Bagi menanam uri, ianya perlulah diletakkan garam, asam gelugur, kunyit dan lada hitam di atas uri tersebut. Turut diletakkan sebatang paku dan kemudiannya ditanam di penjuru pagar. Asam gelugur, kunyit, dan garam berfungsi agar badan bayi itu tidak berbau apabila dewasa kelak manakala lada hitam dan paku pula adalah untuk mengelakkan gangguan roh jahat daripada mengacaunya.<sup>31</sup> Kain putih yang membungkus uri pula sebagai ganti kepada kain kapan. Melalui masyarakat Melayu, kepercayaan ini sangat mendalam dan melibatkan elemen spiritual yang kuat. Apabila seseorang tidak mengikut amalan tradisional ini, timbul rasa keraguan tentang akibat yang mungkin timbul, baik dari segi kesihatan atau nasib bayi dan ibu. Kesemua amalan ini bertujuan memastikan kesejahteraan fizikal dan rohani ibu serta bayi, sekaligus mencerminkan kepercayaan mendalam masyarakat Melayu Kelantan terhadap keseimbangan antara alam nyata dan alam ghaib. Meskipun amalan moden semakin berkembang, kepercayaan ini masih terus diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat sebagai lambang penghormatan kepada adat dan warisan nenek moyang.<sup>32</sup>

Oleh itu, kepercayaan berkaitan dengan kehamilan dan kelahiran seperti amalan kuwung dan penanaman uri dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan mencerminkan kehalusan nilai budaya dan pandangan dunia tradisional mereka. Amalan kuwung, yang melibatkan pengasapan atau penjagaan khusus terhadap ibu mengandung dan bayi, dipercayai mampu menghindari gangguan makhluk halus dan memberi perlindungan spiritual. Sementara itu, penanaman uri dilihat sebagai satu bentuk penghormatan kepada unsur kehidupan yang baru lahir dan dipercayai dapat mengukuhkan ikatan batin antara bayi dengan alam. Kedua-dua amalan ini menegaskan pentingnya keseimbangan fizikal, spiritual, dan alam sekitar dalam proses kelahiran. Walaupun sebahagian masyarakat moden mungkin melihatnya sebagai tidak rasional, kepercayaan ini masih dipraktikkan kerana dianggap membawa ketenangan emosi, keselamatan rohani, dan kesinambungan warisan budaya dalam komuniti Melayu Kelantan.

---

<sup>31</sup> Rahmat Abdullah, "Uri Bayi dan Amalan Khurafat Selepas Bersalin dalam Kalangan Masyarakat Melayu Melaka: Baby Uri and Superstition Practices After Childbirth among the Malay Community of Melaka." *Jurnal Pengajian Islam* 16, no. 2 (2023): 207-216.

<sup>32</sup> Ibid.

## **Penilaian Kepercayaan Tradisional Melayu Kelantan Berdasarkan Konsep Khurafat**

### **Definisi Khurafat**

Menurut al-Mu‘jam al-Wasit (1972), khurafat didefinisikan sebagai cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta. Menurut al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah (2012), khurafat ialah cerita yang sebenar-benar dusta. Menurut Kamus Idris al-Marbawi (1998), khurafat bermaksud cerita karut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan khurafat sebagai kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul. Menurut Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam (1991), khurafat bermaksud perbuatan yang didorong oleh kepercayaan yang bertentangan dengan syariat dan akal.<sup>33</sup> Dalam Kamus Pengetahuan Islam (1976), khurafat membawa maksud perkara-perkara karut yang bertentangan atau tidak ada dalam ajaran Islam, contohnya mandi safar, puja pantai dan sebagainya. Dalam pewartaan fatwa berkaitan Kepercayaan dan Amalan Khurafat Serta Penggunaan Azimat Menurut Perspektif Islam oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka (2011) Khurafat ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.<sup>34</sup>

### **Bentuk-Bentuk Khurafat**

Antara bentuk khurafat menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ialah.<sup>35</sup>

1. Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, bukit, tongkat dan sebagainya.
2. Kepercayaan kepada sial majal seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya.
3. Kepercayaan kepada jin dan memohon pertolongan darinya seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat memuja pantai dan sebagainya.
4. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi yang dilakukan oleh petani-petani seperti bersemah (memuja semangat padi) dan membuang anak di sungai dan laut serta bermain pantai.
5. Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang seperti tidak boleh melihatkan bayi di muka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, tidak boleh keluar rumah ketika gagak berbunyi takut mendapat sial atau bala dan sebagainya.
6. Percaya kepada ramalan-ramalan bintang, angka-angka atau rajah-rajah tertentu;

---

<sup>33</sup> Mohd Kamel Mat Salleh, Firdaus Abdul Manaf dan Asyran Kamaruzaman, “Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia,” *Journal of Fatwa Management and Research* 26, no. 2 (2021), 144–157.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ibid.

7. Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang, kubur-kubur yang dianggap wali dan sebagainya.

Bertitik tolak dari garis panduan fahaman khurafat yang digariskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, didapati bahawa mitos dan kepercayaan Jawa memenuhi yang dijelaskan dalam kajian ini merangkumi kisah lagenda Gunung Tangkuban Perahu, kisah Gunung Merapi, kisah Kawah Ijen, kisah Pantai Prangtritis dan kisah Candi Prambanan adalah memenuhi segala aspek dan kriteria yang digariskan, selanjutnya melayakkan mitos dan kepercayaan masyarakat Jawa digolongkan dalam fahaman khurafat yang mesti dielakkan dan dimurnikan.

### **Hukum Mengamalkan dan Mempercayai amalan Khurafat**

Apabila membicarakan persoalan khurafat, Islam berpandangan bahwa semua bentuk pemujaan yang terdapat dalam animisme adalah termasuk dalam ‘syirik’, artinya mempersekutukan Tuhan, karena pemujaan yang terdapat di dalamnya hanya tertumpu kepada bagian-bagian alam yang diciptakan Tuhan. Islam telah mengharamkan amalan khurafat kepada manusia menurut Al-Quran dan Al-Hadith sebagai petunjuk jelas kepada manusia. Amalan khurafat dan menyeleweng dan berkait rapat dengan syirik amat dimurkai Allah SWT dan amat dicegah dalam Islam.<sup>36</sup> Sebagaimana firman Allah:

*“Dan sesungguhnya ada beberapa orang laki-laki dari kalangan dari kalangan manusia meminta perlindungan<sup>40</sup> kepada beberapa laki-laki dari jin, tetapi mereka (jin) menjadikan mereka (manusia) bertambah sesat.”* (Surah Al-Jinn 72:6)

*“Kemudian apabila datang kepada mereka kemakmuran, mereka berkata: “itu adalah karena (usaha) kami.” dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka lemparkan sebab kesialan itu kepada musa dan orang-orang yang besertanya. ketahuilah, sesungguhnya kesialan mereka itu adalah ketetapan dari Allah, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.”* (Surah Al-A’raaf 7:131)

Manakala terdapat banyak hadith Rasulullah S.A.W. yang menyentuh berkaitan hukum perkara yang diada-adakan tanpa ada nash yang benar, tentang khurafat ini di antaranya. Rasulullah S.A.W. bersabda mafhumnya:<sup>37</sup>

*Dari Abu Hurairah Ra, bahwa Rasulullah SAW bersabda : “Tidak ada ‘Adwa, Thiyarah, Hamah, dan Shafar”. (HR. Muttafaqun Alaihi) Sedangkan Dalam Riwayat Muslim Menambahkan “Tidak Ada Nau’ Serta Tidak Ada Ghul”*

<sup>36</sup> Anita Salamah, *Khurafat dalam Perspektif Islam*, (Disertasi Sarjana UIN Raden Intan Lampung, 2017), 27.

<sup>37</sup> Ibid.

## **Analisis Kepercayaan Tradisional Melayu Kelantan Menurut Prinsip Islam Berdasarkan Ciri Khurafat**

Kepercayaan tradisional masyarakat Melayu Kelantan merupakan satu sistem budaya yang kaya dan kompleks, terbentuk hasil interaksi antara warisan pra-Islam seperti animisme dan pengaruh Hindu-Buddha dengan ajaran Islam yang kemudiannya menjadi agama dominan di rantau ini. Kepercayaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai warisan budaya, bahkan turut memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sosial, nilai moral, dan struktur kehidupan masyarakat. Namun demikian, dari perspektif Islam, kepercayaan-kepercayaan ini perlu dinilai secara kritis bagi menentukan sejauh mana ia selari atau bercanggah dengan prinsip tauhid. Berdasarkan garis panduan khurafat yang digariskan oleh pihak berautoriti agama, analisis terhadap kepercayaan Melayu Kelantan menunjukkan bahawa sebahagian besar amalan tradisional mengandungi unsur khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam, walaupun terdapat juga elemen yang boleh diterima dalam kerangka budaya.

Salah satu bentuk kepercayaan yang jelas bertentangan dengan prinsip Islam ialah kepercayaan terhadap objek keramat seperti batu geliga. Dalam masyarakat Melayu Kelantan, batu geliga dipercayai memiliki kuasa luar biasa seperti memberi perlindungan, penyembuhan, dan tuah kepada pemiliknya. Kepercayaan ini mencerminkan pandangan dunia yang meletakkan kuasa tertentu pada objek fizikal, sedangkan dalam Islam, segala bentuk manfaat dan mudarat hanya datang daripada Allah SWT. Meletakkan keyakinan terhadap objek sebagai sumber kuasa ghaib boleh membawa kepada syirik kerana ia menafikan keesaan Allah sebagai satu-satunya sumber kekuatan. Oleh itu, amalan ini jelas tergolong dalam kategori khurafat yang wajib ditolak.

Selain itu, kepercayaan terhadap sial dan amalan tolak bala juga merupakan antara ciri khurafat yang terdapat dalam masyarakat Melayu Kelantan. Contohnya, amalan mandi bunga sebelum perkahwinan dipercayai dapat membersihkan diri daripada unsur negatif dan mengelakkan gangguan makhluk halus. Begitu juga dengan kepercayaan terhadap pulut semangat, di mana keadaan pulut yang pecah dikaitkan dengan aib atau ketidaksucian pengantin. Dalam Islam, konsep sial atau nasib buruk yang dikaitkan dengan simbol atau kejadian tertentu adalah ditolak, sebagaimana hadis Nabi SAW yang menegaskan bahawa tiada sial dalam Islam. Oleh itu, kepercayaan seperti ini adalah bercanggah dengan akidah Islam kerana ia mengaitkan sesuatu kejadian dengan faktor selain ketentuan Allah.

Seterusnya, kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus dan amalan memohon pertolongan daripadanya juga merupakan bentuk khurafat yang jelas. Amalan perubatan tradisional seperti Main Puteri melibatkan komunikasi dengan makhluk halus melalui perantara bomoh atau tok dukun. Dalam ritual ini, makhluk ghaib dipercayai menjadi punca penyakit dan juga sumber penyembuhan. Islam tidak menafikan kewujudan jin, namun melarang keras manusia daripada bergantung atau meminta pertolongan daripada mereka. Al-Quran secara jelas menyatakan bahawa perbuatan meminta perlindungan daripada jin hanya akan menambah kesesatan manusia. Oleh itu, amalan seperti Main Puteri termasuk dalam kategori syirik kerana melibatkan pergantungan kepada selain Allah.

Dalam aspek pantang larang dan petanda pula, masyarakat Melayu Kelantan mengamalkan pelbagai larangan yang bertujuan mengelakkan gangguan makhluk halus atau kejadian buruk. Sebagai contoh, ibu mengandung dilarang keluar rumah pada waktu tertentu atau melakukan perbuatan tertentu kerana dikhuatiri akan memberi kesan buruk kepada bayi. Kepercayaan terhadap konsep kuwung atau badi juga mencerminkan keyakinan terhadap pengaruh ghaib yang boleh menjejaskan kesihatan manusia. Dari sudut Islam, pantang larang yang berasaskan rasional seperti kesihatan boleh diterima, namun jika ia didasari oleh kepercayaan ghaib tanpa dalil, maka ia termasuk dalam khurafat. Hal ini kerana Islam menuntut umatnya berpegang kepada ilmu dan wahyu, bukan kepada kepercayaan yang tidak berasas.

Kepercayaan terhadap ramalan dan simbol tertentu juga merupakan satu lagi bentuk khurafat yang wujud dalam masyarakat Melayu Kelantan. Tafsiran terhadap tanda-tanda tertentu seperti keadaan pulut semangat yang dikaitkan dengan status moral pengantin merupakan contoh ramalan yang tidak mempunyai asas dalam Islam. Islam menolak segala bentuk ramalan nasib yang tidak bersumberkan wahyu kerana ia boleh membawa kepada kepercayaan karut dan menjejaskan akidah. Oleh itu, kepercayaan seperti ini perlu ditinggalkan.

Di samping itu, amalan yang melibatkan pemujaan atau kepercayaan terhadap roh dan makhluk halus juga jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya, amalan penanaman uri yang disertakan dengan bahan tertentu seperti paku dan lada hitam bertujuan mengelakkan gangguan roh jahat. Kepercayaan bahawa uri mempunyai hubungan spiritual dengan bayi dan perlu dilindungi melalui ritual tertentu menunjukkan pengaruh animisme yang masih kuat dalam masyarakat. Dalam Islam, perlindungan hanya boleh dipohon kepada Allah melalui doa dan amalan yang disyariatkan, bukan melalui ritual atau objek tertentu.

Walau bagaimanapun, tidak semua kepercayaan tradisional masyarakat Melayu Kelantan perlu ditolak secara keseluruhan. Terdapat beberapa amalan yang boleh diterima sekiranya ia ditafsir semula dalam kerangka budaya dan tidak melibatkan unsur khurafat. Sebagai contoh, mandi bunga boleh dianggap sebagai amalan kebersihan dan persediaan psikologi sebelum perkahwinan, selagi tidak disertai dengan kepercayaan bahawa ia mempunyai kuasa ghaib. Begitu juga dengan pantang larang yang bertujuan menjaga kesihatan ibu mengandung, ia boleh diterima sekiranya mempunyai asas rasional. Pendekatan ini selari dengan konsep Islam yang tidak menolak budaya, tetapi menapisnya agar selari dengan prinsip syariah.

Kesimpulannya, analisis terhadap kepercayaan tradisional Melayu Kelantan berdasarkan ciri-ciri khurafat menunjukkan bahawa sebahagian besar amalan tersebut tidak patuh kepada prinsip Islam, malah ada yang boleh membawa kepada syirik. Namun demikian, terdapat juga elemen yang boleh diterima dengan syarat ia bebas daripada unsur kepercayaan ghaib dan ditafsir dalam kerangka yang rasional. Oleh itu, usaha pemurnian akidah amat penting bagi memastikan masyarakat dapat mengekalkan identiti budaya mereka tanpa menjejaskan keimanan. Pendekatan yang seimbang antara pemeliharaan budaya dan penegasan

prinsip tauhid merupakan jalan terbaik dalam menangani isu kepercayaan tradisional dalam masyarakat Melayu Kelantan.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kepercayaan tradisional masyarakat Melayu Kelantan dalam aspek perubatan, perkahwinan, serta kehamilan dan kelahiran anak merupakan cerminan sistem kepercayaan yang kaya. Namun jelas bahawa sebahagian besar kepercayaan tersebut engandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam, khususnya dalam aspek tauhid. Walaupun kepercayaan ini berperanan dalam membentuk identiti budaya dan nilai sosial pada peringkat awal, namun ia perlu ditapis berdasarkan prinsip Islam dan diperbetulkan agar tidak mempengaruhi masyarakat. Pendekatan yang terbaik ialah mengekalkan perkara yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam yang terdapat kebaikan pada aspek kesihatan, tetapi menolak kepercayaan terhadap kuasa ghaib selain Allah demi menjaga kesucian akidah.

## **Rujukan**

Ahmad, R. (2015). Mistik Batu Geliga Dalam Masyarakat Melayu: Antara Kepercayaan Dan Realiti. *Jurnal Warisan Melayu*, 10(1), 45–56.

Ahmad Muntakhib, Siti Muawanah & Eko Wahyono, “Transformasi Nilai Sosial-Spiritual Penghayat Kepercayaan Dalam Membangun Moderasi Beragama Di Indonesia.” *Jurnal Harmoni* 23, no. 1 (2024), 99-121.

Agus Purwanto, Imran Imran, and Iwan Ramadhan. “Analisis Rasionalisasi Nilai-Nilai Mitos Kemponan Pada Masyarakat Etnis Melayu.” *Ideas: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Budaya* 8, no. 1 (2022): 117-126.

Andi Hildayanti dan M. Sya'rani Machrizzandi. “Konsep Kosmologi Masyarakat Kajang Dalam Ber-Kehidupan Dan Ber-Arsitektur,” *J-Alif: Jurnal Penelitian Hukum Ekonomi Syariah dan Budaya Islam* 7, no. 2 (2023): 157-175.

Anita Salamah, *Khurafat dalam Perspektif Islam*, (Disertasi Sarjana, UIN Raden Intan Lampung, 2017).

Baharin Ilias, & A. Aziz Deraman. *Kelantan: Sejarah, adat dan warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.

Daisy Paul, Nor Sahayu Hamzah and T. N. A. T. A. Hamid, “Interpretasi ritual mandi dalam kalangan masyarakat di Malaysia.” *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3, no. 2 (2019): 257-269.

Deuraseh, N. “Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah.” *Jurnal Peradaban*, 3 (2017), 83–98.

Holsti, O. R. *Content Analysis For The Social Sciences and Humanities*. Addison-Wesley, 1969.

Ismail Hamid. *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1982.

Krippendorff, K. *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. Sage Publications, 1980.

Lilis Syafiza Yatim et al., “Analisis Pergerakan Fizikal Tok Teri. "Main Peteri, " *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12 no.2 (2024), 79 – 90.

Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad. “Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis Menurut Siasah Syar ‘Iyyah.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17, no. 1 (2018): 97-112.

Mohd Kamel Mat Salleh, Firdaus Abdul Manaf dan Asyran Kamaruzaman, “Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia,” *Journal of Fatwa Management and Research* 26, no. 2 (2021), 144–157.

Mohd Zawawi Mohammad & Nur Azuki Yusuff, "Unsur-Unsur Kepercayaan Dinamisme Dalam Perubatan Tradisional Melayu Kelantan,” *International Conference on Ummah ICU* (2018), 129-144.

Muhammad Ikhsan Rizky dan Tumpal Simarmata. “Peran Tradisi Berbalas Pantun dalam Acara Pesta Perkawinan Pada Masyarakat Melayu di Tanjung Pura.” *Gondang* 1, no. 2 (2017): 91-99.

Noor Hasimah M Yacob et al., “Pantang Larang Tradisional di Kalangan Masyarakat Melayu.” *Konaka Konferensi Akademik* (2015): 25-32.

Norhuda Salleh, “Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan Dalam Adat Perkahwinan Melayu.” *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 30 (2014): 177-190.

Norhuda Salleh dan Kim Keum Hyun. "Komunikasi Bukan Lisan: Analisis Makna Pulut Semangat dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Selangor." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* 7, no. 1 (2019): 53-64.

Nur Azzuwanie Razak et al., "Main Teri: Warisan Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Melayu." *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)* 2, no. 2 (2018): 1-12.

Rahmat Abdullah, "Uri Bayi dan Amalan Khurafat Selepas Bersalin dalam Kalangan Masyarakat Melayu Melaka: Baby Uri and Superstition Practices After Childbirth Among the Malay Community of Melaka." *Jurnal Pengajian Islam* 16, no. 2 (2023): 207-216.

Shaharir Mohamad Zain, "Kosmologi Malayonesia yang Terungkap dalam Bahasa Melayu." *Jurnal Peradaban* 9, no. 1 (2016): 11-31.

Soni Ardiansyah & Rois Nafi'ul Umam, "Menggali Makna Tradisi Pantang Larang Pada Masyarakat Melayu Sekadau," *Jurnal Pendidikan, Kebudayaan Dan Keislaman* 3, no. 1 (2024), 44-54.

Sudirman Kiffli et al., "Konflik Dalam Legenda Puteri Saadong." *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)* 8, no. 2 (2020): 86-97.

Widiadnyana Wardiha, "Analisis Komparatif Peran Adat dan Kepercayaan dalam Peningkatan Kualitas Lingkungan Permukiman Berkaca pada Adat yang Ada di Permukiman Tradisional." *Jurnal Presipitasi: Media Komunikasi dan Pengembangan Teknik Lingkungan* 15, no. 2 (2018): 114-121.

Yusmilayati Yunos et al., "Kepandaian Orang Melayu Dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional." *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 12, no. 11 (2016): 79-91.

Yusoff Mahmood, Haron Daud dan Abd Aziz Shuaib, "Penyakit Angin: Rawatan Secara Main Pateri." *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)* 1, no. 2 (2013): 70-78.